



## DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 1/2019

PENETAPAN DASAR CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS EMPAT PERKHIDMATAN YANG DITANGGUH PELAKSANAANNYA

1. BERKUATKUASA MULAI 1 SEPTEMBER 2019, PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN BERIKUT BUKAN MERUPAKAN PERKHIDMATAN BERCUKAI DIBAWAH JADUAL PERTAMA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018:

- (a) Perkhidmatan Pengurusan Logistik
- (b) Perkhidmatan Pengurusan Pelancongan
- (c) Perkhidmatan Taman Hiburan
- (d) Perkhidmatan Pembersihan melalui *Coin Operated Laundry Machine (COLM)*

2. LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN

- (a) **Perkhidmatan pengurusan oleh penghantar fret** (*logistic management*);
- (b) **Perkhidmatan pengurusan pakej pelancongan ke dalam negara** (*inbound tour packages*) oleh ejen pelancongan;
- (c) **Perkhidmatan taman hiburan;**
- (d) **Perkhidmatan pembersihan melalui *Coin Operated Laundry Machine (COLM)***

ADALAH SEPERTI BERIKUT:

2.1 **Bagi Tempoh Penangguhan 01 Januari 2019 hingga 31 Ogos 2019**

Perkhidmatan di (2) (a) hingga (d) adalah dikecualikan dari cukai perkhidmatan dibawah Seksyen 34(3) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

2.2 **Pelarasan kenaikan cukai yang dikecualikan adalah seperti berikut:**

- (i) Sekiranya **perkhidmatan telah disediakan tetapi inbois** berkaitan perkhidmatan yang diberikan tersebut **belum dikeluarkan**, penyedia perkhidmatan hendaklah mengeluarkan inbois tanpa kenaikan cukai perkhidmatan; atau
- (ii) Sekiranya **inbois** bagi penyediaan perkhidmatan tersebut **telah dikeluarkan** tetapi **bayaran belum dibuat oleh pelanggan**, penyedia perkhidmatan hendaklah mengeluarkan nota kredit yang berkaitan.

2.3 Mana-mana **cukai perkhidmatan yang telah dikutip dari pelanggan bermula 1 Januari 2019 mesti diremit kepada JKDM** berdasarkan kepada Seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

2.4 **Tiada bayaran balik (*refund*)** cukai perkhidmatan diluluskan kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan.